

Mahathir mahu bilangan petani dikurangkan, daya keluaran ditingkatkan

SERI MEDAN (Batu Pahat) 28 Jun - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu supaya bilangan petani di negara ini dikurangkan tetapi daya pengeluaran pertanian ditingkatkan.

"Untuk itu para petani hendaklah mengubah sikap dan menukar cara bertani dengan menggunakan teknologi moden.

"Sementara mereka yang meninggalkan bidang pertanian seharusnya menyertai bidang perindustrian untuk menambah tenaga dalam bidang itu," kata Perdana Menteri.

Berucap merasmikan Pusat Perkhidmatan Pertanian Bersepadu di sini, beliau menegaskan bahawa kerajaan tidak berhasrat mengecipikan bidang pertanian dalam usahanya memajukan bidang perindustrian di negara ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, bidang pertanian negara ini masih mengguna-

kan cara kolot, tidak cekap dan masih di takuk lama.

Beliau menarik perhatian terhadap cara kemajuan bidang pertanian Amerika Syarikat yang pada mulanya 95 peratus dari penduduknya terdiri dari para petani dan mereka membekalkan makanan untuk semua rakyat negara itu.

Tetapi pada masa ini tambah beliau hanya 5 per-

ratus daripada penduduk Amerika Syarikat terlibat dalam pertanian dan mereka inilah yang membekalkan makanan kepada 260 juta penduduk negara itu, malah ada lebihan untuk eksport.

Ketibaan Perdana Menteri di Sekolah Menengah Seri Medan dari Johor Baharu dengan menggunakan helikopter telah disambut oleh beribu-ribu rakyat tempatan.

Turut hadir dalam majlis perasmian pusat perkhidmatan pertanian itu ialah Menteri Besar, Datuk Ajib Ahmad, Menteri Pertanian,

Encik Anwar Ibrahim dan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Shahrir Samad.

Perdana Menteri selanjutnya mengumumkan bahawa kerajaan telah meluluskan sebanyak \$200 juta untuk kemajuan pertanian Johor Barat termasuk Seri Medan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Beliau menggesa rakyat supaya bekerja keras dan menggunakan bantuan kerajaan sebaik mungkin supaya setiap sen yang digunakan dapat menambah pendapatan.

Perdana Menteri menekankan bahawa peruntukan wang kerajaan adalah terhad dan apabila dialirkan pada sesuatu tempat bermakna pihak lain tidak akan memperolehnya.

Beliau meminta seluruh rakyat supaya jangan menggunakan cara-cara yang tidak tertib dan tidak teratur untuk mencapai sesuatu tujuan kerana ia akan akhirnya membawa kepada kebinasaan.

"Pesanan ini bukan terhad kepada Negeri Johor sahaja. Pesanan ini ditujukan kepada seluruh negara. Kalau pada masa ini kita menghadapi masalah, masalah ini adalah buatan kita semata-mata.

"Dan saya juga mengingatkan mereka yang menyebarkan cerita-cerita angin, sama ada media massa ataupun orang perseorangan supaya bersikap bertanggungjawab kerana kalau kita menyebar berita yang tidak

mendatangkan manfaat kepada negara, maka kitalah yang akan menderita kerananya," kata Perdana Menteri.

Terdahulu Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang pertama kali melawat Johor secara rasmi sejak menjawat jawatan Perdana Menteri diberi sambutan meriah penuh tradisi sebaik-baik sampai di bandar Johor Baharu pagi ini.

UM 29 JUN 1985

Kira-kira 3,000 orang dari semua golongan masyarakat berhimpun di tengah-tengah bandar ini untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri termasuk yang membawa sepanduk mengalu-alukan lawatan Perdana Menteri. Ketibaan beliau bersama isterinya Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah dari Lapangan Terbang Senai disambut oleh ahli Majlis Perbandaran Johor Baharu, jawatankuasa UMNO bahagian Johor Baharu dan Teberau, pemimpin-pemimpin MCA dan MIC serta pemimpin-pemimpin kaum diketuai oleh Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Johor Baharu Datuk Ishak Yusof. Sebelum berlepas ke Seri Medan di Batu Pahat, Perdana Menteri mengadap Pemangku Sultan Johor, Tengku Ibrahim di Istana Pasir Pelangi. Turut menyambut ketibaan beliau ialah beberapa orang menteri kabinet, antaranya Datuk Shahrir Abdul Samad, Pemangku Presiden MCA Datuk Dr. Neo Yee Pan, ketua-ketua jabatan, ahli-ahli Dewan dan kanak-kanak sekolah. Perdana Menteri juga

diberi kehormatan untuk memeriksa perbarisan yang dianggotai oleh 500 orang ahli Pemuda Barisan Nasional Johor yang diketuai oleh Setiausaha Pemuda UMNO Negeri Encik Tosrin Jarwanti. Di sepanjang jalan sejauh 20 kilometer dari Senai ke Johor Baharu, lebih 10,000 orang kanak-kanak sekolah dan orang ramai berbaris di kiri kanan jalan untuk turut mengalu-alukan lawatan Perdana Menteri.